

ROSHLAWATY RAIEH roshlawaty@sinarharian.com.my

Tulang belakang pusat ilmu

Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu (SKIL) ditubuhkan pada 2012. Penubuhan kelab bertujuan untuk mendidik siswa Usim menjadi pembimbing rakan sebaya dalam aspek pendidikan pengguna perpustakaan dan memberikan kemahiran yang diperlukan berkaitan perpustakaan Usim. Selain itu, kewujudan SKIL bertujuan untuk menarik minat penuntut datang ke perpustakaan dan menjadikan amalan membaca sebagai budaya dalam kalangan penuntut.

Setiausaha 2 SKIL, Maryam Jalilah Ismail berkata, SKIL adalah satu-satunya badan kelab yang bernaung di bawah perpustakaan Usim. Aktiviti yang dijalankan oleh kelab ini kebanyakannya berpusat di perpustakaan. Ahli SKIL akan terlibat dalam penganjuran bersama program yang diadakan pihak perpustakaan Usim seperti Program Hari Buku Sedunia dan Forum Penulis Muda 2015 - Dakwah dalam Sastera Islam: Kreativiti



dan Pengaruh. Selain itu, ahli SKIL juga berfungsi sebagai *tourist guide* atau pemandu pelancong kepada pelawat perpustakaan apabila pihak perpustakaan menerima lawatan daripada pihak luar.

"Program yang dianjurkan oleh SKIL mendapat dana daripada perpustakaan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Usim. Bagi program yang berbentuk kesukarelawanan dan kemasyarakatan seperti program bersama penduduk kampung orang asli, SKIL turut mendapat dana daripada IM4U," katanya yang merupakan penuntut tahun tiga, Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

AHLI SKIL

Pada sesi kali ini, SKIL berjaya menarik minat penuntut seramai 466 untuk mendaftar sebagai ahli kelab ini. Setiap ahli dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM10 untuk setahun. Yuran digunakan bagi membuat cenderahati berbentuk *button badge* untuk diberikan kepada ahli serta seterusnya digunakan untuk penganjuran Hari Keluarga SKIL nanti.

"SKIL sebenarnya berbeza dengan kelab-kelab lain yang ada di sini. Ini kerana kelab lebih memfokuskan ke arah menambah ilmu pengetahuan

dalam pelbagai bidang dan memupuk minat membaca dalam kalangan penuntut serta minat untuk mencari ilmu," ujarnya.

Bagi menepati moto SKIL untuk sesi kali ini iaitu ke arah mendestinasikan ilmu, Maryam berkata, kelab berjaya menganjurkan beberapa aktiviti yang membantu siswa Usim dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah Bengkel Pemantapan Tesis; Taklimat Penggunaan Perpustakaan; Talaqqi Kitab Risalah An-Nur; Diskusi - Ilmu Di manakah Barakah; Bengkel Pengurusan Masa dan Bengkel Technology Fusion: Photoshop, Flash, Security Awareness.

SKIL juga turut membawa ahlinya mendekati masyarakat menerusi program Semaian Lestari Kasih - program kesukarelawanan di Pusat Kebajikan al-Fikrah (rumah penjagaan warga emas). Selain itu, SKIL turut menganjurkan Program Jalinan Mesra bersama penduduk Kampung Orang Asli Ulu Chembong yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan.

"Antara pengalaman yang tidak boleh dilupakan adalah ketika menyertai program Semaian Lestari Kasih. Pengalaman ketika melayani warga emas yang tinggal di situ banyak memberi pengajaran dan keinsafan agar sentiasa



Aktiviti bersama anak-anak Orang Asli Kampung Ulu Chembong.



SKIL usaha keras ajak penuntut terus berkunjung ke perpustakaan

menghargai mereka yang berada di sekeliling kita terutamanya ibu bapa," katanya dengan menambah SKIL pernah tercalon sebagai penerima Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik pada majlis Anugerah Kecemerlangan Siswa 2013 (AKSIS) menerusi Program Bersama Orang Asli Ulu Chembong 2013. Kejayaan ini menjadi penyuntik semangat kepada ahli SKIL yang lain untuk terus menjadi siswa yang aktif memberi sumbangan kepada masyarakat setempat.

Sementara itu, Maryam berkata, SKIL sering kali menerima jemputan untuk menjadi fasilitator dan urusetia program oleh pihak luar. Misalnya pada Mac lalu, pihak SKIL telah dijemput pihak Sinergi Ilmu untuk menjadi urusetia bagi Teater *Cinta High Class*. Teater yang diadakan di Dewan Cempaka Sari Perbadanan Putrajaya itu memberi pengalaman yang berharga kepada siswa Usim tentang cara pengendalian program.

Ahli SKIL juga turut dijemput untuk menjadi fasilitator dalam program Kembara Munajat Syaaban anjuran Jabatan Agama Wilayah Persekutuan dan Institut Kefahaman Islam Malaysia. Seramai 40 ahli SKIL terlibat sebagai fasilitator bagi membimbing tentang solat.



Sukarelawan menyuapkan makanan kepada seorang penghuni Pusat Kebajikan al-Fikrah.



Sebahagian sukarelawan yang terlibat dalam program Orang Asli.



MARYAM JALILAH

INFO Universiti Awam/Swasta dan institusi pengajian tinggi yang mempunyai kelab dan persatuan yang menarik untuk diketengahkan, boleh emel kepada roshlawaty@sinarharian.com.my